

**ANALISIS DISKURSIF BERITA TERPILIH
DALAM AKHBAR MALAYSIAKINI**

DARWALIS BINTI SAZAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**ANALISIS DISKURSIF BERITA TERPILIH
DALAM AKHBAR MALAYSIAKINI**

Oleh

DARWALIS BINTI SAZAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2021

PENGHARGAAN

*Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang.
Selawat dan salam ke atas junjungan nabi Muhammad s.a.w.*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. yang telah melimpahkan kurnia dan hidayah-Nya kepada pengkaji sehingga berjaya menghasilkan dan menyiapkan disertasi ini. Pada kesempatan ini, pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada **Profesor Dr. Noriah Mohamed** selaku penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar, bantuan, teguran, dorongan dan motivasi selain memberi idea-idea yang bernas dalam menghasilkan disertasi ini. Segala sumbangan dan jasa baik beliau sepanjang pengkaji menghasilkan tesis ini akan sentiasa dikenang dan dihargai.

Selain itu, ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pensyarah di Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang selama ini telah mengajar pengkaji, memberikan kata-kata semangat, berkongsi ilmu pengetahuan daripada peringkat sarjana sehinggalah ke peringkat doktor falsafah. Sesungguhnya segala jasa baik yang diberikan akan dijadikan pedoman buat diri pengkaji dan terima kasih atas sokongan yang diberikan.

Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada seluruh ahli keluarga pengkaji yang banyak memberi semangat, inspirasi, ruang, masa, mendoakan kejayaan pengkaji dan sudi bersama-sama sepanjang pengembaraan ini. Kata-kata perangsang yang diberikan oleh kalian semua sepanjang tempoh menyiapkan

disertasi diambil sebagai pembakar semangat untuk terus berjuang tanpa berputus asa demi mencapai kejayaan. Segala pengorbanan yang dilakukan oleh kalian buat pengkaji amat dihargai dan pengkaji sangat bersyukur.

Ucapan terima kasih juga kepada sahabat seperjuangan pengkaji, Md Zahril Nizam Md Yusoff yang sama-sama berjuang untuk menyiapkan disertasi doktor falsafah di samping memberi galakan, nasihat dan bantuan. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat sarjana pengkaji yang sentiasa memberi kata-kata semangat, motivasi dan nasihat kepada pengkaji. Segala cabaran, kenangan dan pengalaman yang dilalui bersama sepanjang perjalanan sebagai seorang pelajar sangat bernilai dan akan sentiasa diingati dalam hidup pengkaji. Semoga segala usaha yang kita berikan mampu mendidik diri kita untuk terus berjaya pada masa hadapan.

Akhir sekali, tidak dinafikan juga jasa dan bantuan semua pihak yang terlibat kerana tanpa pertolongan ini pengkaji tidak dapat untuk menghasilkan disertasi ini. Semoga kajian ini dapat memberi suntikan semangat kepada pengkaji baru dan segala ilmu yang diperoleh ini dapat kita kongsi bersama-sama, insya-Allah. Sesungguhnya, segala yang baik itu datang daripada Allah s.w.t. dan yang buruk itu datang daripada kelemahan pengkaji sendiri.

*“There are only two ways to live your life. One is as **though** nothing is a **miracle**. The other is as **though** everything is a **miracle**” - Albert Einstein.*

DARWALIS BINTI SAZAN

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	xi
SENARAI RAJAH.....	xiii
ABSTRAK.....	xv
ABSTRACT.....	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Akhbar Malaysiakini.....	4
1.4 Permasalahan Kajian.....	6
1.5 Objektif Kajian.....	9
1.6 Persoalan Kajian.....	9
1.7 Batasan Kajian.....	10
1.8 Kepentingan Kajian.....	13
1.9 Definisi Istilah.....	15
1.9.1 Nilai Berita.....	15
1.9.2 Visual dan Verbal.....	16
1.9.3 Kuasa.....	17
1.9.4 Ideologi.....	18
1.9.5 Sosial.....	19
1.10 Kesimpulan.....	19

BAB 2	SOROTAN LITERATUR.....	20
2.1	Pengenalan.....	20
2.2	Analisis Wacana Akhbar.....	20
2.3	Analisis Diskursif dalam Akhbar.....	29
2.4	Analisis Wacana Aspek Verbal dan Visual dalam Akhbar.....	32
2.5	Rumusan Sorotan Literatur.....	41
2.6	Kesimpulan.....	42
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS.....	43
3.1	Pengenalan.....	43
3.2	Metodologi Kajian.....	43
3.3	Reka Bentuk Kajian.....	44
3.4	Kaedah Pengumpulan Data.....	45
3.4.1	Kaedah Kepustakaan.....	45
3.4.2	Kaedah laman Sesawang.....	45
3.5	Data Kajian.....	46
3.5.1	Data Teks.....	46
3.6	Kaedah Analisis Data Kajian.....	48
3.6.1	Penomboran dan Penandaan Data.....	49
3.6.2	Analisis Kandungan Teks.....	50
3.6.3	Analisis Kandungan Visual.....	50
3.7	Kerangka Konseptual Kajian.....	52
3.8	Kerangka Teoretis Kajian.....	53
3.8.1	Teori Analisis Diskursif Nilai Berita (DNVA).....	54
3.8.2	Teori Analisis Visual.....	54

3.8.3	Kerangka Analisis Diskursif Nilai Berita.....	56
3.8.3(a)	Stereotaip.....	56
3.8.3(b)	Keelitan.....	57
3.8.3(c)	Impak.....	57
3.8.3(d)	Positif.....	58
3.8.3(e)	Negatif.....	58
3.8.3(f)	Personalisasi.....	59
3.8.3(g)	Proksimiti.....	59
3.8.3(h)	Kesangatan.....	60
3.8.3(i)	Kekinian.....	60
3.8.3(j)	Keganjilan.....	61
3.8.4	Kerangka Analisis Visual Berita.....	61
3.8.4(a)	Latar Belakang.....	62
3.8.4(b)	Imej.....	62
3.8.4(c)	Ciri Milik.....	63
3.8.4(d)	Aktiviti.....	63
3.8.5	Kerangka Analisis Dimensi Berita.....	64
3.8.5(a)	Material.....	64
3.8.5(b)	Kognitif.....	65
3.8.5(c)	Sosial.....	65
3.8.5(d)	Diskursif.....	66
3.9	Kesimpulan.....	66

BAB 4	ANALISIS KANDUNGAN NILAI BERITA DALAM AKHBAR MALAYSIAKINI.....	67
4.1	Pengenalan.....	67
4.2	Perbincangan dan Dapatan Kajian.....	67
4.3	Penerapan Nilai Berita Diskursif dalam Akhbar Malaysiakini.....	68
4.3.1	Terima Hadiah Mahal, PM Israel Disiasat Rasuah.....	68
4.3.2	Parlimen UK Diserang, PM Selamat.....	72
4.3.3	Ular Sawa 4 Meter Telan Pekebun.....	75
4.3.4	Najib Bertemu Rajinikanth, Berswafoto di India.....	77
4.3.5	Hakim Wanita Muslim Pertama di Amerika Ditemui Mati.....	81
4.3.6	Rakyat Palestin Dalam Penjara Israel Mogok Lapar.....	84
4.3.7	Mogadishu:Serangan di Dua Restoren,17 Maut 26 Cedera.....	87
4.3.8	Tubuh RCI Siasat Kehilangan Pesawat MH370.....	90
4.3.9	Zahid Akan Buat Sidang Media Khas Isu Memali.....	96
4.3.10	Hasmah Gerakan Wanita dalam Himpunan Ungu.....	99
4.3.11	Hujan Lebat, Tanah Runtuh di Labuan.....	103
4.3.12	Ramai Kecam Benjy Lepas Dihukum Penjara.....	105
4.3.13	Macam Wilayah Mafia, Kata Mufti.....	109
4.3.14	Seekor Kerbau Tercampak Masuk dalam Porsche Cayenne.....	112
4.3.15	4 Beradik Antara 16 Ditahan Positif Dadah.....	115
4.3.16	Pelajar Perempuan Tikam Budak Lelaki dalam Tandas.....	117
4.3.17	1,000 hadir ke pengkebumian Vasanthapriya.....	121
4.3.18	Wanita Saudi Kini Dibenarkan Meniaga.....	124
4.3.19	Guru Ditahan Disyaki Cabul Murid Tahun Dua.....	127
4.3.20	Rampasan Beg ‘Bijan’ di ‘rumah’ Najib Curi Tumpuan.....	130
4.3.21	Pada Usia 93, Mahathir Ibarat Yoda, Kata Menteri.....	134

4.3.22	Maut Serangan ke atas Perhimpunan P'raya Pakistan.....	137
4.3.23	Dua Barney dari Siti Ceriakan Adam.....	140
4.3.24	Seorang Rakyat Malaysia Terkorban Gempa Bumi di Lombok....	141
4.3.25	28 Rangka Op Te Auraki Diserahkan 20 Ogos ini.....	148
4.3.26	Korban Gempa Bumi Lombok Cecah 555 Nyawa.....	152
4.3.27	Tembak Mati Isteri Sebelum Bunuh Diri.....	155
4.3.28	Shafa'aton Wanita Pertama Dilantik Ketua Polis Daerah Sungai Buloh.....	158
4.3.29	Kita Sudah Menang!.....	162
4.3.30	Anak Krakatau Meletus Lagi: Amaran Waspada Tsunami.....	166
4.4	Perbincangan Dapatan Data Verbal dengan Kuasa Ideologi dan Sosial dalam Teks.....	170
4.5	Kesimpulan.....	171
BAB 5	ANALISIS PERKAITAN VISUAL DENGAN VERBAL BERITA DALAM AKHBAR <i>MALAYSIAKINI</i>.....	172
5.1	Pengenalan.....	172
5.2	Konteks Visual dalam Akhbar.....	173
5.2.1	Terima Hadiah Mahal, PM Israel Disiasat Rasuah.....	174
5.2.2	Parlimen UK Diserang, PM Selamat.....	177
5.2.3	Ular Sawa 4 Meter Telan Pekebun.....	181
5.2.4	Najib Bertemu Rajinikanth, Berswafoto di India.....	183
5.2.5	Hakim Wanita Muslim Pertama di Amerika Ditemui Mati.....	186
5.2.6	Rakyat Palestin Dalam Penjara Israel Mogok Lapar.....	188
5.2.7	Mogadishu:Serangan di Dua Restoren,17 Maut 26 Cedera.....	190
5.2.8	Tubuh RCI Siasat Kehilangan Pesawat MH370.....	193
5.2.9	Zahid Akan Buat Sidang Media Khas Isu Memali.....	196
5.2.10	Hasmah Gerakan Wanita dalam Himpunan Ungu.....	198

5.2.11	Hujan Lebat, Tanah Runtuh di Labuan.....	200
5.2.12	Ramai Kecam Benjy Lepas Dihukum Penjara.....	202
5.2.13	Macam Wilayah Mafia, Kata Mufti.....	204
5.2.14	Seekor Kerbau Tercampak Masuk dalam Porsche Cayenne.....	206
5.2.15	4 Beradik Antara 16 Ditahan Positif Dadah.....	208
5.2.16	Pelajar Perempuan Tikam Budak Lelaki dalam Tandas.....	210
5.2.17	1,000 hadir ke pengkebumian Vasanthapriya.....	212
5.2.18	Wanita Saudi Kini Dibenarkan Meniaga.....	214
5.2.19	Guru Ditahan Disyaki Cabul Murid Tahun Dua.....	216
5.2.20	Rampasan Beg ‘Bijan’ di ‘rumah’ Najib Curi Tumpuan.....	218
5.2.21	Pada Usia 93, Mahathir Ibarat Yoda, Kata Menteri.....	219
5.2.22	Maut Serangan ke atas Perhimpunan P’raya Pakistan.....	221
5.2.23	Dua Barney dari Siti Ceriakan Adam.....	223
5.2.24	Seorang Rakyat Malaysia Terkorban Gempa Bumi di Lombok....	227
5.2.25	28 Rangka Op Te Auraki Diserahkan 20 Ogos ini.....	229
5.2.26	Korban Gempa Bumi Lombok Cecah 555 Nyawa.....	231
5.2.27	Tembak Mati Isteri Sebelum Bunuh Diri.....	233
5.2.28	Shafa’aton Wanita Pertama Dilantik Ketua Polis Daerah Sungai Buloh.....	234
5.2.29	Kita Sudah Menang!.....	236
5.2.30	Anak Krakatau Meletus Lagi: Amaran Waspada Tsunami.....	239
5.3	Perbincangan Dapatan Data Visual dengan Kuasa Ideologi dan Sosial dalam Teks.....	241
5.4	Kesimpulan.....	242

BAB 6	KESIMPULAN.....	243
6.1	Pengenalan.....	243
6.2	Dapatan Kajian.....	243
6.2.1	Analisis Kandungan Nilai Berita dalam Akhbar Malaysiakini.....	243
6.2.2	Analisis Perkaitan Visual dengan Verbal Berita dalam Akhbar Malaysiakini.....	248
6.2.3	Rumusan Dapatan Kajian Aspek Verbal dengan Visual Akhbar Malaysiakini.....	248
6.3	Saranan Kajian.....	251
6.4	Kesimpulan.....	252
	BIBLIOGRAFI.....	253
	LAMPIRAN	
	SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Contoh Penomboran dan Penandaan Data Kandungan Nilai Berita..... 49
Jadual 5.2.1	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.1..... 174
Jadual 5.2.2	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.2..... 178
Jadual 5.2.3	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.3..... 181
Jadual 5.2.4	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.4..... 183
Jadual 5.2.5	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.5..... 186
Jadual 5.2.6	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.6..... 189
Jadual 5.2.7	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.7..... 191
Jadual 5.2.8	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.8..... 193
Jadual 5.2.9	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.9..... 196
Jadual 5.2.10	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.10..... 198
Jadual 5.2.11	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.11..... 201
Jadual 5.2.12	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.12..... 202
Jadual 5.2.13	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.13..... 204
Jadual 5.2.14	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.14..... 207
Jadual 5.2.15	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.15..... 208
Jadual 5.2.16	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.16..... 210
Jadual 5.2.17	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.17..... 212
Jadual 5.2.18	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.18..... 214
Jadual 5.2.19	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.19..... 216
Jadual 5.2.20	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.20..... 219
Jadual 5.2.21	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.21..... 221

Jadual 5.2.22	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.22.....	223
Jadual 5.2.23	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.23.....	225
Jadual 5.2.24	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.24.....	227
Jadual 5.2.25	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.25.....	229
Jadual 5.2.26	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.26.....	231
Jadual 5.2.27	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.27.....	233
Jadual 5.2.28	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.28.....	235
Jadual 5.2.29	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.29.....	236
Jadual 5.2.30	Perkaitan Visual dan Verbal Rajah 5.2.30.....	239

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian..... 44
Rajah 3.2	Kerangka Konseptual Kajian..... 52
Rajah 3.3	Kerangka Teoretis Kajian..... 55
Rajah 5.2.1	Terima Hadiah Mahal, PM Israel Disiasat Rasuah..... 174
Rajah 5.2.2	Parlimen UK Diserang, PM Selamat..... 177
Rajah 5.2.3	Ular Sawa 4 Meter Telan Pekebun..... 181
Rajah 5.2.4	Najib Bertemu Rajnikanth, Berswafoto di India..... 183
Rajah 5.2.5	Hakim Wanita Muslim Pertama di Amerika di Temui Mati..... 186
Rajah 5.2.6	Rakyat Palestin Dalam Penjara Israel Mogok Lapar..... 188
Rajah 5.2.7	Mogadishu: Serangan di Dua Restoran, 17 Maut, 26 Cedera..... 190
Rajah 5.2.8	Tubuh RCI Siasat Kehilangan Pesawat MH370..... 193
Rajah 5.2.9	Zahid Akan Buat Sidang Media Khas Isu Memali..... 196
Rajah 5.2.10	Hasmah Gerakan Wanita dalam Himpunan Ungu..... 198
Rajah 5.2.11	Hujan Lebat, Tanah Runtuh di Labuan..... 200
Rajah 5.2.12	Ramai Kecam Benjy Lepas Dihukum Penjara..... 202
Rajah 5.2.13	Macam Wilayah Mafia, Kata Mufti..... 204
Rajah 5.2.14	Kerbau Tercampak Masuk Dalam Porsche Cayenne..... 206
Rajah 5.2.15	4 Beradik Antara 16 Ditahan Positif Dadah..... 208
Rajah 5.2.16	Pelajar Perempuan Tikam Pelajar Lelaki Dalam Tandas..... 210
Rajah 5.2.17	1,000 Hadir ke Pengkebumian Vasanthapiriya..... 212
Rajah 5.2.18	Wanita Saudi Kini Dibenarkan Meniaga..... 214

Rajah 5.2.19	Guru Ditahan Disyaki Cabul Murid Tahun Dua.....	216
Rajah 5.2.20	Rampasan Beg ‘Bijan’ di Rumah Najib Curi Tumpuan.....	218
Rajah 5.2.21	Pada Usia 93, Mahathir Ibarat Yoda, Kata Menteri.....	221
Rajah 5.2.22	128 Maut Serangan Ke Atas Perhimpunan P’raya Pakistan.....	223
Rajah 5.2.23	Dua Barney Dari Siti Ceriakan Adam.....	225
Rajah 5.2.24	Seorang Rakyat Malaysia Terkorban Gempa Bumi di Lombok.....	227
Rajah 5.2.25	28 Rangka Op Te Auraki Diserahkan 20 Ogos Ini.....	229
Rajah 5.2.26	Korban Gempa Bumi Lombok Cecah 555 Nyawa.....	231
Rajah 5.2.27	Tembak Mati Isteri Sebelum Bunuh Diri.....	233
Rajah 5.2.28	Shafa’aton Wanita Pertama Dilantik Ketua Polis Daerah Sungai Buloh.....	234
Rajah 5.2.29	Kita Sudah Menang!.....	236
Rajah 5.2.30	Anak Krakatau Meletus Lagi: Amaran Waspada Tsunami.....	239

ANALISIS DISKURSIF BERITA TERPILIH DALAM AKHBAR MALAYSIAKINI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan kandungan nilai berita dan perkaitan sumber visual dan verbal dalam akhbar *Malaysiakini* berdasarkan pendekatan secara linguistik melalui penganalisan diskursif berita. Objektif pertama kajian adalah untuk menganalisis kandungan nilai berita dalam akhbar *Malaysiakini*, objektif kedua, membincangkan perkaitan visual dan verbal berita dalam akhbar *Malaysiakini* dan objektif ketiga, menghuraikan hubungan antara verbal dan visual dimensi nilai berita dari aspek sosial dalam akhbar *Malaysiakini*. Sebanyak 30 buah data verbal dan 30 buah data visual digunakan dalam kajian ini. Sumber data diperoleh daripada laman sesawang secara talian pada pautan <https://www.malaysiakini.com/>. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan data dihuraikan secara deskriptif. Kajian ini mengaplikasikan kerangka Analisis Nilai Berita Diskursif oleh Bednarek & Caple (2017) yang melibatkan sepuluh nilai berita, iaitu stereotaip, keelitan, impak, positif, negatif, personalisasi, proksimiti, kesangatan, kekinian dan keganjilan dengan menghubungkan kuasa, ideologi dan sosial. Analisis Visual oleh Kress & van Leeuwen (2006: 2008) dan Bednarek & Caple (2017) yang melibatkan empat aspek visual, iaitu latar belakang, pemeran, ciri milik dan aktiviti juga dihubungkan dengan kuasa, ideologi dan sosial. Dapatan kajian bagi sumber verbal menunjukkan bahawa kuasa, ideologi dan sosial berperanan mempengaruhi pembentukan wacana akhbar *Malaysiakini* berdasarkan penerapan ciri linguistik dalam sepuluh nilai berita. Dapatan perkaitan sumber visual dan verbal pula menunjukkan hanya empat sumber visual membentuk perkaitan signifikan

daripada 30 sumber visual dalam akhbar *Malaysiakini*. Hal ini disebabkan penulis mempunyai kawalan terhadap kuasa, ideologi dan sosial dalam sumber visual yang mempengaruhi perkaitan ini. Dapatan kajian daripada kedua-dua analisis ini menunjukkan kuasa, ideologi dan sosial penulis mempengaruhi pembentukan wacana akhbar *Malaysiakini*. Hal ini membuktikan bahawa penerapan analisis diskursif berita secara linguistik mampu mencungkil kuasa, ideologi dan sosial penulis yang terselindung dalam akhbar.

A DISCURSIVE ANALYSIS OF SELECTED NEWS IN MALAYSIAKINI

ABSTRACT

This study aims to discuss the content of news value and relevance of visual and verbal in *Malaysiakini* linguistically based on discursive analysis of news. The first objective of the study was to analyze the content of news value in *Malaysiakini*, the second objective, to discuss the relevance of visual and verbal in *Malaysiakini* and third objectives, to describes the relations between verbal and visual dimension news value from social aspects in *Malaysiakini*. A total of 30 verbal data dan visual used in this study. The data were obtained from an online website which is <https://www.malaysiakini.com/>. This study employed a qualitative approach and descriptive data elaborated. This study applies the framework of Discursive News Value Analysis by Bednarek & Caple (2017) that involving ten news value which are stereotypes, eliteness, impact, positive, negative, personalization, proximity, superlativeness, timeliness and unexpectedness that correlated with power, ideology and social. Visual Analysis by Kress & van Leeuwen (2006: 2008) and Bednarek & Caple (2017) involves four visual aspect, setting, represented participants, attributes and activity also correlated with power, ideology and social. The findings indicate that the power, ideology and social from verbal potentially influence the formation of *Malaysiakini* linguistically based on 10 news value. The findings of the relevance of visual and verbal shows that only four out of 30 visual data show a significant correlation in *Malaysiakini*. This is because the author has control over power, ideology and social that affect the relevance of this visual. The findings of both

analysis show that power, ideology and social of author influences the formation of *Malaysiakini*. The research has proved that the approach of Discursive News Value Analysis linguistically be able to unearth the power, ideology and social of the author that embedded in *Malaysiakini*.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Akhbar boleh didefinisikan sebagai satu bentuk penyampaian media massa yang mampu merangsang pemikiran dan emosi individu secara lisan dan bukan lisan. Keunggulan akhbar dalam masyarakat tidak dapat disangkal kerana akhbar boleh mempengaruhi minda pembaca, terutamanya dengan membahas sesuatu isu secara konkrit di samping hujahnya berdasarkan fakta. Sumber utama informasi terkini rata-rata diperoleh dalam akhbar terlebih dahulu berbanding dengan berita utama yang disiarkan di kaca televisyen.

Akhbar mempunyai peranan dan struktur yang tersendiri untuk menarik minat pembaca dalam sesuatu isu yang diketengahkan. Elemen-elemen penting dalam akhbar merupakan asas utama dalam penyampaian maklumat kepada pembaca, terutamanya tentang gambaran peristiwa sebenar yang berlaku. Peranan akhbar sangat penting dan boleh dikatakan bahawa akhbar mempunyai kuasa dalam mempengaruhi pemikiran individu. Pepatah Melayu ada menyebut ‘mata pena lebih tajam daripada mata pedang’ untuk menggambarkan bahawa pemikiran dan ideologi manusia sebenarnya mampu ditakluki berdasarkan penyebaran mesej dan cara tindak balas mereka terhadap mesej yang diterima.

Walaupun peranan akhbar banyak diperjelaskan dan diketengahkan oleh ahli-ahli sarjana namun akhbar juga sebenarnya mempunyai ideologi dan agenda tertentu dalam menyebarkan berita kepada pembaca. Dalam hal ini, ideologi dan agenda akhbar dapat dicungkil berdasarkan penyelidikan media massa dan linguistik yang kian meluas di seluruh dunia. Pencungkilan ideologi dan agenda dalam sesebuah akhbar bergantung kepada faktor dan kaedah yang diterapkan dalam penyelidikan. Pendekatan diskursif dalam wacana akhbar membolehkan ahli sarjana melakukan penyelidikan secara linguistik tanpa berpegang kepada pendekatan lepas yang kurang jelas pendekatannya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendekatan diskursif atau praktis diskursif membawa maksud pendekatan yang menganalisis secara kritis keseluruhan wacana yang melibatkan fungsi tatabahasa, leksikal, makna dan aspek lain dalam sesebuah teks, seperti akhbar. Menurut Hall (1996: 101), pendekatan diskursif bukan sahaja dapat dijelaskan sebagai cara bahasa dan representasi dalam menyampaikan makna malah pendekatan ini juga melibatkan pengetahuan yang dihasilkan melalui wacana, dari sudut kuasa, identiti dan ideologi. Menurut beliau lagi, pendekatan diskursif ini berupaya melihat fungsi teks dalam pelbagai peringkat tekstual, laras dan intertekstual selain melibatkan pelbagai konteks, seperti konteks budaya, sosial, ekonomi dan lain-lain. Jorgensen & Philips (2002: 96) juga menegaskan hal yang sama dengan pandangan Hall (1996) tentang pendekatan ini, iaitu pendekatan diskursif melibatkan amalan sosial yang dinamik untuk membentuk identiti, hubungan sosial dan pemahaman dunia.

Menurut Cotter (2010: 73) pendekatan diskursif boleh digunakan dalam kajian teks akhbar bagi menganalisis pelbagai proses berita daripada peringkat pengkonseptualan, pembinaan sehinggalah kepada proses susunan peristiwa berita. Pendekatan diskursif dalam wacana akhbar bukan sahaja boleh dianalisis berdasarkan aspek verbal bukan sahaja malah aspek visual juga tidak terkecuali. Fowler (1991: 17) mendefinisikan pendekatan ini sebagai satu perspektif tentang kesesuaian bahasa yang diterapkan melalui wacana dengan melibatkan bahasa dan gambar.

Kajian diskursif telah berkembang di luar negara tetapi masih belum sepenuhnya diterapkan di Malaysia. Pendekatan ini digunakan dalam kajian di luar negara untuk mengesan latar belakang akhbar yang dikaji dalam pelbagai aspek dan hasil kajian telah diterapkan dalam kajian tempatan terhadap akhbar berbahasa Melayu dari sudut penganalisan kandungan, sama ada dari aspek verbal, visual, kuasa atau ideologi yang terselindung. Kajian diskursif juga berkait rapat dengan aspek nilai berita verbal dan visual dalam akhbar. Setiap aspek dalam wacana akhbar memberi kesan terhadap kandungan yang berlainan disebabkan aspek itu sendiri berupaya menjana bentuk diskursif tertentu.

Berdasarkan perbincangan ini, hubungan nilai berita, verbal dan visual merupakan elemen yang terkandung dalam akhbar bagi membentuk kesatuan wacana akhbar. Penyelidikan ini merupakan satu usaha untuk mencungkil dan membincangkan penganalisan diskursif secara mendalam dalam wacana akhbar.

1.3 Akhbar *Malaysiakini*

Akhbar *Malaysiakini* sudah lama dikenali dalam kalangan rakyat Malaysia sejak mula diperkenalkan pada tahun 1999. Keunikan akhbar *Malaysiakini* dilihat dari segi pemilikan pertubuhan media bebas di Malaysia dan boleh dikatakan bahawa akhbar ini agak baharu jika dibandingkan dengan akhbar dalam talian yang lain, seperti *BERNAMA*, *HarakahDaily*, *Kosmo Online* dan lain-lain. Keunggulan sesebuah akhbar bukan sahaja bergantung kepada penyampaian mesej yang jelas dan berfakta malahan juga perlu diukur berdasarkan jumlah pembaca. Akhbar *Malaysiakini* mempunyai jumlah pembaca tersendiri dan peningkatan jumlah pembaca berlaku kerana didorong oleh faktor sebelum dan selepas pilihan raya (Steele, 2009).

Selain itu, akhbar ini dilabelkan sebagai akhbar kontroversi kerana medium utama laporan adalah berkaitan dengan isu politik negara. Kepincangan dunia politik negara dalam pilihan raya, kewibawaan pemimpin, dasar-dasar kerajaan, perdebatan isu politik antara tokoh dan lain-lain diutarakan oleh penulis secara terbuka. Tajuk utama dalam akhbar juga sering kali menimbulkan provokasi kerana terdapat isu-isu sensitif yang dibincangkan dalam laman akhbar ini. Walaupun akhbar *Malaysiakini* sering kali dilabel sebagai akhbar kontroversi namun pengetahuan terhadap akhbar ini hanya secara permukaan atau luaran sahaja jika penyelidikan secara menyeluruh tidak dilaksanakan.

Berdasarkan pandangan Chin (2003: 129), perkembangan akhbar di Malaysia menerima pengaruh daripada pemerintah dan pembangkang sama ada secara langsung mahupun tidak langsung yang mengawal semua saluran media di Malaysia. Semua saluran atau maklumat daripada pihak media tidak boleh digambarkan sebagai adil atau tidak memihak. Hal ini jelas seperti yang dinyatakan oleh Khalil (1999),

“The Government pays for RTM (Radio Television Malaysia) employees and equipment used. So whoever in the Government get to use RTM as the mouthpiece to air their manifesto and promises during a general election...RTM is not interested in inviting any opposition party for interviews over its channels. This has been our practice”.

Saluran media di Malaysia di bawah kerajaan, seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM) berhak bersuara mengenai manifestonya sepanjang pilihan raya manakala parti pembangkang tidak diundang bagi menyuarakan manifesto mereka kerana saluran media seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM) dibiayai oleh pihak kerajaan. Namun begitu, bukan perkara ini yang menjadi perhatian utama penyelidikan ini, sebaliknya tumpuannya adalah terhadap keseluruhan latar belakang akhbar *Malaysiakini* berdasarkan aspek diskursif.

Berdasarkan perbincangan di atas, penyelidikan ini cuba menganalisis aspek nilai berita, verbal, visual dan dimensi nilai berita dari aspek sosial dalam akhbar *Malaysiakini*. Penyesuaian kerangka teori analisis Bednarek & Caple (2017) dan Kress & van Leeuwen (2006: 2008) diketengahkan dalam penyelidikan ini untuk memperoleh hasil kajian yang berfokus linguistik. Selaras dengan hal ini, bahagian berikut membincangkan beberapa permasalahan kajian yang menjadi titik tolak

penyelidikan ini dengan perhatian khusus diberikan terhadap kelompangan dalam aspek yang dibincangkan.

1.4 Permasalahan Kajian

Berdasarkan penelitian didapati bahawa kajian diskursif, lebih-lebih lagi yang melibatkan penyebaran ideologi dan kuasa dalam akhbar di Malaysia. Kajian wacana dalam akhbar sangat mencabar kerana sangat kurang dijadikan bahan kajian. Maklumat individu, organisasi dan lain-lain yang dipampangkan secara terbuka kepada umum di dada-dada akhbar. Selain itu, isu diskriminasi, kedudukan, pengaruh dan kuasa yang boleh menjadi isu sensitif diutarakan dalam konteks sosial turut dibincangkan dalam akhbar secara meluas. Disebabkan setiap akhbar mempunyai polisi dan ideologi yang berbeza maka penyusunan strategi dalam mempengaruhi minda pembaca juga berbeza. Penyelidikan ini memberi fokus kepada kajian diskursif yang merangkumi aspek nilai berita, perkaitan aspek visual dengan verbal berita dan hubung kait verbal dengan visual dimensi nilai berita dari aspek sosial dalam akhbar *Malaysiakini*.

Dalam kajian wacana akhbar yang lepas, kajian dari aspek diskursif yang merangkumi nilai berita tidak dijelaskan secara linguistik dan mendalam. Hal ini mungkin berlaku disebabkan aspek diskursif hanya dilihat sebagai satu aspek bukan linguistik, seperti yang dikemukakan oleh Galtung & Ruge (1965) dalam kajian nilai berita mereka. Nilai berita yang dikemukakan oleh Galtung & Ruge (1965) berlainan dengan aspek linguistik kerana peristiwa dalam berita dianggap monolitik dan aspek kognisi sosial dan diskursif dalam akhbar diabaikan. Hal ini turut diakui oleh Bell

(1991: 156) apabila beliau menyatakan bahawa nilai-nilai berita Galtung & Ruge (1965) berbeza dari segi ciri peristiwa, proses pengumpulan dan penghasilan berita.

Rentetan itu, hal ini menimbulkan kekeliruan bagi penyelidik lain untuk menerapkan nilai berita ini kerana tidak mencakupi aspek linguistik dalam wacana akhbar sebaliknya lebih memberi penekanan terhadap dapatan yang menjurus ke arah disiplin komunikasi dan media massa. Oleh itu, pengkonseptualan kajian secara diskursif perlu dihasilkan untuk mengenal pasti nilai berita secara linguistik yang terkandung dalam wacana akhbar. Permasalahan ini berupaya mengenal pasti kekurangan kajian lepas dari aspek nilai berita secara diskursif walaupun melibatkan sumber akhbar yang berbeza.

Selain itu, kajian terhadap visual dalam akhbar jarang disentuh oleh pengkaji lepas. Hal ini berlaku kerana pengkaji lepas lebih memberikan fokus terhadap aspek verbal lebih-lebih lagi penganalisan kandungan berita. Peranan aspek visual dalam akhbar juga signifikan untuk menggambarkan dan menginterpretasikan peristiwa sebenar yang berlaku. Hal ini turut dinyatakan oleh Hill (2004) bahawa makna secara visual dan verbal boleh mendukung makna yang berbeza kerana secara visualnya individu dapat menginterpretasi seluruh gambaran yang dipaparkan manakala secara verbal pula, individu mengambil lebih masa untuk memproses dan mencungkil maklumat daripada tindak balas bacaan. Bagi memperlihatkan kepentingan sumber visual yang diketengahkan dalam akhbar, sumber ini perlu ditafsir melalui imej secara keseluruhan dan dipertalikan dengan konteks visual yang dipaparkan.

Sehubungan dengan itu, hubung kait antara aspek visual dan verbal juga sangat penting untuk melihat kesejajaran isi kandungan dengan imej yang dipaparkan dalam akhbar. Walau bagaimanapun, kajian yang menghubungkan aspek visual dan verbal juga kurang dijadikan fokus dalam kajian lepas khususnya dalam kajian akhbar berbahasa Melayu. Kebanyakan kajian lepas yang menghubungkan aspek visual dengan verbal ini diperoleh daripada kajian akhbar berbahasa Inggeris.

Walaupun, terdapat kajian ahli sarjana linguis terkenal, seperti Hall (1973) & Barthes (1977) yang boleh dirujuk dan diperoleh namun fokus kajian mereka bukanlah seratus peratus menjurus ke arah ruang lingkup aspek visual dan verbal malahan tema dan interpretasi kedua-dua sumber sedikit berbeza dengan ciri nilai berita dalam akhbar. Harcup & O'Neil (2001: 274) berpendapat bahawa secara lazim, imej hanya dibincangkan dan dianggap sebagai satu gambaran visual dan kualiti semata-mata, hubungan antara isi kandungan dengan imej tidak dititikberatkan. Perkaitan antara aspek visual dengan verbal perlu diberi perhatian kerana hubung kait ini mewujudkan naratif visual secara langsung di samping mengenal pasti bentuk dan sumber linguistik serta semiotik yang wujud dalam teks dan imej.

Secara kesimpulan, masih terdapat beberapa kekurangan daripada kajian lepas berkaitan dengan nilai berita, aspek verbal dengan visual dalam kajian diskursif akhbar. Aspek-aspek ini mampu menonjolkan keseluruhan wacana akhbar yang jelas kerana mempunyai pertalian dengan kognitif pembaca misalnya, kuasa, ideologi, agenda dan lain-lain dalam akhbar.

Bagi menampung kelompangan dalam kajian lepas maka semua aspek yang dikemukakan dalam permasalahan kajian dimasukkan dalam tiga objektif utama penyelidikan ini. Ketiga-tiga objektif kajian diketengahkan dalam bahagian berikut:

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

- 1) menganalisis kandungan nilai berita dalam akhbar *Malaysiakini*;
- 2) membincangkan perkaitan visual dengan verbal berita dalam akhbar *Malaysiakini*; dan
- 3) menghuraikan hubung kait antara verbal dengan visual dimensi nilai berita dari aspek sosial dalam akhbar *Malaysiakini*.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

- 1) Bagaimanakah kandungan nilai berita dalam akhbar *Malaysiakini*?
- 2) Bagaimanakah perkaitan bentuk visual dengan verbal berita dalam akhbar *Malaysiakini*?
- 3) Bagaimanakah hubung kait verbal dengan visual dimensi nilai berita dari aspek sosial dalam akhbar *Malaysiakini*?

1.7 Batasan Kajian

Kajian diskursif dalam akhbar ini terbatas kepada penganalisan struktur wacana akhbar *Malaysiakini* merangkumi aspek nilai berita, visual dan verbal dan hubung kait visual dengan verbal dimensi nilai berita dari aspek sosial. Perlu dijelaskan bahawa penyelidikan ini melibatkan kajian diskursif berita sosial sahaja. Justifikasinya, berita sosial lebih sesuai dianalisis sebab elemen yang terkandung lebih menyerlahkan latar belakang akhbar berdasarkan sepuluh nilai berita di samping penghuraian juga melibatkan kuasa, agenda dan ideologi.

Data-data diperoleh daripada teks yang diterbitkan dalam laman sesawang <https://www.malaysiakini.com/> dan data diambil daripada versi bahasa Melayu. Data diperoleh tanpa melibatkan kajian lapangan. Justifikasi penyelidik memilih data secara dalam talian di laman sesawang <https://www.malaysiakini.com/> kerana akhbar ini rata-ratanya memaparkan imej di setiap ruangan berbanding dengan akhbar bercetak yang hanya memaparkan imej pada berita yang dianggap eksklusif. Hal ini memudahkan penyelidik untuk mendapatkan sumber data bagi aspek visual. Namun begitu, sumber visual yang dianalisis diambil berdasarkan imej muka hadapan atau imej pertama akhbar sahaja.

Pengumpulan data dalam laman sesawang <https://www.malaysiakini.com/> diambil dalam tempoh 24 bulan, iaitu bermula dari bulan Januari 2017 sehingga bulan Disember 2018. Data bersifat selektif dan sebanyak 30 buah data digunakan secara keseluruhan. Jumlah data yang dikumpul boleh dianggap berpada untuk menjalankan

kajian diskursif. Huraian secara mendalam bagi pengumpulan data boleh dirujuk pada bahagian 3.4 (a) Bab 3.

Penganalisan data pula, disesuaikan mengikut kerangka teoretis Bednarek & Caple (2017), iaitu *Discursive News Value Analysis* (DNVA) atau Analisis Nilai Berita Diskursif. Kerangka ini disesuaikan untuk menganalisis data verbal. Kerangka teoretis oleh Kress & van Leeuwen (2006: 2008) pula disesuaikan untuk penganalisan visual. Justifikasinya, pemilihan kerangka teoretis ini bersesuaian dengan data penyelidikan dari segi penganalisan diskursif dalam akhbar yang melibatkan dua peringkat analisis, iaitu analisis nilai berita dan analisis perkaitan visual dengan verbal yang dihubungkan dengan dimensi nilai berita dari aspek sosial.

Dalam analisis ini, kajian dibataskan terhadap dimensi nilai berita dari aspek sosial sahaja. Justifikasinya, aspek sosial ini relevan untuk dibincangkan dengan kuasa dan juga ideologi dalam analisis sumber verbal dan visual. Bahagian analisis pertama ialah analisis kandungan nilai berita. Sebanyak sepuluh nilai berita disesuaikan dan dianalisis. Sepuluh nilai berita yang dimaksudkan ialah nilai berita stereotaip, keelitan, impak, positif, negatif, personalisasi, proksimiti, kesangatan, kekinian dan keganjilan. Penganalisan sepuluh nilai berita ini dijelaskan dari sudut makna leksikalisasi dan nahu dan kemudiannya dipertalikan dengan kuasa, ideologi dan dimensi nilai berita dari aspek sosial akhbar *Malaysiakini*. Hal ini demikian kerana nilai berita berdasarkan pengkonseptualan diskursif tidak dapat lari daripada pembentukan dan penerapan kuasa dan ideologi dalam akhbar. Lanjutan itu juga,

analisis ini diuraikan secara deskriptif berdasarkan konteks berita sosial akhbar *Malaysiakini*.

Bagi analisis kedua, dibincangkan perkaitan visual dengan verbal berita mengikut empat komponen utama dari aspek visual, iaitu latar belakang, imej, ciri milik dan aktiviti manakala komponen verbal terdiri daripada sepuluh nilai berita yang dijelaskan dalam huraian di atas. Penganalisan sumber visual ini juga dikaitkan dengan kuasa, ideologi dan dimensi nilai berita dari aspek sosial. Penyelidik menyesuaikan tiga komponen visual oleh Kress & van Leeuwen (2006: 2008), iaitu komponen visual imej, ciri milik dan aktiviti manakala satu komponen visual lagi, iaitu komponen latar belakang disesuaikan dalam penyelidikan ini mengikut Bednarek & Caple (2017).

Justifikasinya, Kress & van Leeuwen (2006: 2008) hanya mengetengahkan tiga komponen utama dan komponen visual latar belakang merupakan hasil rincian oleh Bednarek & Caple (2017) digunakan untuk menambah baik konsep analisis visual Kress & van Leeuwen (2006: 2008). Oleh hal yang demikian, analisis yang diketengahkan berupaya mengenal pasti hubung kait visual dengan verbal dalam akhbar *Malaysiakini*.

1.8 Kepentingan Kajian

Akhbar merupakan sebahagian media linguistik yang melibatkan unsur semiotik, penggunaan korpus linguistik, analisis wacana, lakuan bahasa dan lain-lain. Latar belakang sesebuah akhbar dapat dicungkil sekiranya masyarakat membuka mata dan mengambil peduli tentang strategi yang digunakan oleh institusi media dan kewartawanan dalam penyampaian mesej melalui akhbar.

Kebergantungan masyarakat daripada pelbagai lapisan umur terhadap akhbar sangat tinggi, lebih-lebih lagi yang melibatkan berita muktakhir. Di sinilah kuasa, ideologi dan agenda sesebuah akhbar diserapkan dalam minda masyarakat sehinggakan unsur pemujukan dikaburi dengan penggunaan bahasa dan imej dalam wacana akhbar. Oleh hal yang demikian, penyelidikan ini cuba mengemukakan bukti dan menunjukkan signifikasi penyelidikan diskursif yang melibatkan nilai berita, aspek verbal dan perkaitan visual dengan verbal dimensi nilai berita dari aspek sosial dalam akhbar *Malaysiakini*.

Penghuraian data secara linguistik sangat signifikan untuk membezakan penyelidikan media massa dan kewartawanan dengan penyelidikan linguistik walaupun akhbar bertindak sebagai sumber data. Dalam penyelidikan ini, pendekatan analisis wacana kritis kerangka teoretis Bednarek & Caple (2017) sangat relevan untuk diterapkan kerana kerangka ini bersesuaian dengan data dan bentuk penganalisan data. Penggunaan kerangka ini berupaya menyumbang hasil kajian secara linguistik dan dapat mengenal pasti perbezaan kandungan nilai berita, bentuk visual dan perkaitan kedua-dua sumber.

Berdasarkan penyelidikan lepas, hasil penyelidikan lebih ke arah kajian media dan kewartawanan walaupun penyelidikan dilakukan dalam bidang wacana kritis. Penggunaan kerangka teori yang kurang bersesuaian dan aspek nilai berita dalam ruang lingkup wacana kritis tidak dijelaskan secara linguistik. Fenomena linguistik mampu mempengaruhi minda dan persepsi pembaca dalam menerima atau menolak kenyataan yang diutarakan dalam akhbar. Kajian ini menyumbang ilmu pengetahuan mengenai perkembangan sosial dalam kehidupan seharian.

Penulisan dalam akhbar yang membincangkan elemen kemasyarakatan, institusi dan lain-lain dapat mengukur sejauh mana keberkesanan kuasa dan ideologi akhbar kepada pembaca. Pemanfaatan penyelidikan ini bukan hanya dapat dilihat dari aspek penggunaan bahasa dan imej dalam wacana akhbar semata-mata malahan proses sosial juga terlibat. Keberkesanan penyebaran ideologi akhbar bergantung kepada pembentukan penggunaan wacana yang terbina dalam akhbar untuk mempengaruhi pembaca.

Selain itu, penyelidikan ini turut menyumbangkan maklumat kepada institusi kewartawanan dan juga penyelidikan dalam pelbagai bidang selain linguistik. Misalnya, disiplin bidang linguistik boleh digabungkan dengan disiplin bidang kajian lain untuk melihat hasil kajian baharu dari aspek yang berbeza. Walaupun, terdapat keraguan dalam menggabungkan dua disiplin yang berbeza namun aspek bukan linguistik juga boleh disesuaikan dengan aspek linguistik dalam penggabungan atau penyesuaian teori dalam penyelidikan. Pemanfaatan dalam pelbagai bidang kajian dapat mengukur keberkesanan teori yang digunakan sama ada teori tersebut terbatas dalam mengkaji aspek tertentu atau sebaliknya. Sehubungan dengan itu, kajian

wacana akhbar juga boleh digabungkan dan dikembangkan lagi dengan subdisiplin pendekatan semantik sosial dalam media dengan wacana kritis dan penggabungan dua atau lebih disiplin ilmu dan sebagainya.

1.9 Definisi Istilah

Beberapa konsep istilah dibincangkan dalam penyelidikan ini. Bahagian berikut menghuraikan beberapa istilah yang digunakan dalam penyelidikan ini.

1.9.1 Nilai Berita

Nilai berita ialah ciri-ciri yang membentuk sesuatu peristiwa dalam berita. Dalam hal ini, para sarjana mendefinisikan nilai berita mengikut pelbagai pengertian dan pandangan. Bagi Galtung & Ruge (1965) nilai berita ialah satu peristiwa yang perlu melepasi beberapa peringkat sebelum dianggap sebagai berita lengkap. Bell (1991: 155) mendefinisikan nilai berita sebagai salah satu nilai yang benar dan berfakta serta dapat dinilai lebih banyak dari aspek lain selain tajuk berita dan isi kandungan. Setiap akhbar mempunyai nilai berita yang dipilih oleh penulis akhbar itu sendiri bergantung kepada perspektif mereka dalam melihat peristiwa yang berpotensi untuk dijadikan nilai berita. Cotter (2010: 68) juga berpendapat bahawa nilai berita merupakan elemen utama dan kualiti yang diperlukan dalam akhbar untuk menghasilkan peristiwa dalam berita. Oleh hal yang demikian, untuk memudahkan pemahaman pembaca ke atas nilai berita ini, dirumuskan bahawa nilai berita boleh dikatakan sebagai ciri pemerian terhadap kandungan akhbar yang melibatkan hubungan antara proses dengan pelaku peristiwa secara keseluruhan.

1.9.2 Visual dan Verbal

Aspek visual dan verbal merupakan aspek yang signifikan dalam wacana akhbar. Visual dan verbal dalam wacana akhbar berperanan sebagai fungsi komunikatif dalam berita, misalnya dari aspek konteks yang menyokong penggunaan imej berita, kedudukan imej dalam berita dan hubung kait bahasa dengan imej dalam akhbar. Imej dalam akhbar bukanlah satu ilustrasi semata-mata malah penerangan atau deskripsi secara verbal yang penting untuk memperlihatkan keselarasan antara peristiwa berita dengan imej yang dilaporkan sebagai satu peristiwa nyata.

Lacayo & Russell (1995: 71) menyatakan pandangan yang sama yakni peranan hubungan antara visual dengan verbal sangat penting dan kedua-duanya memerlukan satu sama lain untuk memberikan makna kepada kandungan berita. Hal yang sama turut dibahaskan oleh Becker (2004: 152) dan Bal (2003: 9). Bagi mereka kepercayaan pembaca terhadap akhbar dilihat berdasarkan visual dan keterangan verbal, yakni makna dibina berdasarkan sumber tersebut dan pembaca tidak boleh mengelak daripada membaca salah satu sumber. Selain itu, pandangan Craig (1994: 198) terhadap visual dan verbal dalam akhbar ialah kedua-dua sumber ini bukan sahaja dapat mengenal pasti nilai berita malah berperanan memberikan perspektif lain yang tidak dapat difikirkan dan dilihat oleh setiap individu. Hal ini disebabkan oleh perbezaan yang kadangkala terdapat dalam sumber visual dan verbal.

1.9.3 Kuasa

Kuasa mempunyai pelbagai pengertian mengikut pendapat sarjana. Konsep kuasa dalam wacana merupakan teras utama hubungan antara wacana dengan masyarakat. Konsep kuasa dalam sesebuah wacana bukan sahaja dilihat berdasarkan struktur teks semata-mata tetapi juga dilihat dari sudut hubungan sosial, politik, ekonomi dan budaya (van Dijk, 1988: 24). Selain itu, konsep kuasa dalam wacana juga memperlihatkan kawalan ke atas konteks, seperti perucap dan penulis yang mengawal audiens dan pendengar dan pembaca yang dikawal secara mental atau psikologi.

Bagi Fairclough (1989: 4; 2001: 21) kuasa dalam wacana dapat dilihat berdasarkan beberapa elemen sosial dan konsep kuasa ini khususnya dilihat melalui bahasa kerana bahasa dapat menyumbang dominasi terhadap orang lain oleh sesetengah pihak dengan mengawal kuasa secara dominan. Dalam erti kata lain, kuasa dalam wacana merujuk cara dan amalan wacana yang dimanfaatkan oleh pewacana bagi sesuatu tujuan, seperti mendapatkan sesuatu tindakan terhadap pihak yang ditujukan wacana tersebut. Identiti dan subjek dalam sesebuah komuniti yang menghubungkan bahasa dan wacana melalui pembentukan pengetahuan, penyebaran dan interpretasi dilihat sebagai kuasa (van Leeuwen, 1996: 17). Kuasa dalam visual dipersembahkan oleh pewacana atau penulis kepada pembaca melalui penglibatan dan kuasa berdasarkan interaktif visual, seperti pemeran, logo, lokasi atau tempat dan lain-lain dalam imej (Kress & van Leeuwen, 2006: 148).

1.9.4 Ideologi

Ideologi dapat dijelaskan sebagai satu strategi yang diterapkan oleh kelompok atau kumpulan tertentu berdasarkan gagasan kefahaman untuk mencapai sesuatu matlamat dengan mempengaruhi khalayak. Menurut van Dijk (1998: 25) ideologi merupakan medium yang digunakan oleh kelompok dominan untuk mempengaruhi khalayak berdasarkan kekuasaan dan dominasi yang dimiliki oleh mereka. Hal ini berlaku kerana ideologi yang disebarkan oleh kelompok dominan dianggap lebih berkesan kepada khalayak disebabkan oleh kesan dominasi yang biasanya telah mempengaruhi ideologi khalayak yang menganggap ideologi yang dibawa oleh kelompok ini sebagai benar dan wajar. Menurut Fairclough (1989: 6) ideologi dalam sesebuah wacana dapat dikenal pasti berdasarkan pengenalpastian bentuk bahasa melalui proses sosial yang membawa kepada hubungan kuasa yang wujud dalam masyarakat atau “agenda tersembunyi”.

Ideologi berdasarkan pandangan Hodge & Kress (1993: 20) melibatkan realiti yang bersifat sistematik dan teratur, yakni cara penyampaian pewacana kepada pembaca dalam sesebuah wacana merupakan satu ideologi. Ideologi secara lazimnya, hanya mementingkan dua ciri utama, yakni matlamat yang ingin dicapai mengikut sasaran dan penetapan kaedah untuk menjayakan penyebaran ideologi tersebut sebagaimana yang dirangka oleh kelompok tertentu. Sehubungan dengan itu, Bednarek (2006: 46) berpandangan bahawa ideologi dalam wacana dikenal pasti berdasarkan ciri bahasa khususnya aspek penggunaan ciri bahasa atau linguistic dalam wacana yang diketengahkan oleh pewacana dalam membina dan mengekalkan sesebuah ideologi.

1.9.5 Sosial

Dimensi atau aspek sosial dalam wacana dapat dijelaskan sebagai cara wacana berkembang dalam masyarakat berdasarkan proses penghasilan peristiwa yang digambarkan seiring dengan kuasa dan ideologi (van Dijk, 1993: 118). Menurut Fairclough (1992: 63-64; 1995: 131-132) dimensi sosial dalam wacana dapat dilihat berdasarkan representasi dan pertalian antara amalan sosial dengan struktur sosial yang dibina secara sosial dan kedua-duanya menyumbangkan sesuatu kepada semua bentuk dimensi sosial sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Dimensi ini berdasarkan pandangan Fairclough juga melibatkan perkaitan dengan kuasa dan ideologi yang dapat menjelaskan cara pewacana berkarya. Bagi Bednarek & Caple (2017: 42-43) dimensi sosial dalam wacana memperlihatkan kuasa dan ideologi penulis melalui kriteria pemilihan nilai berita dalam amalan kewartawanan yang mempengaruhi pula pembinaan wacana selaras dengan pengetahuan masyarakat.

1.10 Kesimpulan

Bab ini memperlihatkan keseluruhan latar belakang dan susunan subbahagian kajian secara terperinci. Selanjutnya, sorotan kajian lepas dihuraikan dalam Bab 2.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini, menyorot kajian lepas yang bersesuaian dengan kajian ini. Sorotan ini terdiri daripada sorotan kajian wacana akhbar, sorotan kajian diskursif dan sorotan kajian aspek verbal dan visual. Sorotan ini juga melibatkan kajian tempatan dan luar negara.

2.2 Analisis Wacana Akhbar

Analisis wacana akhbar banyak diberi perhatian oleh pengkaji lepas dengan memberikan fokus pada struktur teks dalam disiplin bidang wacana kritis dan bukan kritis. Sorotan ini dilakukan berdasarkan penyelidikan disiplin wacana akhbar yang merujuk beberapa kajian sarjana lepas.

van Dijk (1988) antara sarjana linguistik terawal yang melakukan kajian terhadap media berita yang mencakupi struktur berita, penghasilan berita dan pemahaman terhadap berita. Struktur berita yang diketengahkan merangkumi struktur makro, superstruktur dan struktur mikro. Penghasilan berita melibatkan elemen penting, seperti isi pendahuluan sehinggalah penutup. Pemahaman berita pula, merupakan ciri tertentu dalam bentuk gabungan struktur dan penghasilan berita yang

membawa pembaca kepada binaan konteks yang dapat difahami. Penyelidikan beliau berjaya menghasilkan teori baru berita dalam akhbar untuk menganalisis teks media.

Kajian ini merangkumi penganalisan dimensi dan konteks. Misalnya, penganalisan dimensi dan konteks melibatkan proses kognitif, sosiobudaya, retorik, struktur mikro dan juga aspek pengamalan wacana media. Kajian ini dilihat sebagai satu asas kepada penyelidikan awal untuk menganalisis teks dalam berita. Menurut van Dijk (1988), penganalisan teks dalam berita merangkumi tiga bahagian. Bahagian pertama ialah penghasilan berita. Bahagian ini dapat dikecilkan untuk menentukan peranan dalam proses pembuatan berita yang berskala besar. Bahagian kedua, ialah representasi mental dalam pelbagai sumber teks, gabungan pendekatan kognitif dan diskursif. Bahagian ini berupaya menentukan strategi dan struktur dalam nilai berita. Bahagian ketiga, ialah pemahaman berita. Penganalisan bahagian ini berupaya memenuhi komponen utama kesan berita, iaitu proses kognitif, kepercayaan dan andaian.

Berdasarkan penerangan van Dijk ini, didapati perincian setiap bahagian yang diketengahkan merupakan langkah penting untuk mengenal pasti latar belakang sesebuah teks. Perkara ini sangat berkaitan dengan pencungkilan agenda, kuasa dan ideologi akhbar yang menjurus ke arah kognisi sosial, interpretasi dan andaian. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga bahagian hanya dirincikan secara asas dari aspek struktur teks. Sehubungan dengan itu, kajian van Dijk (1988) dibandingkan secara kritis dengan kajian Fairclough (2003). Fairclough membincangkan analisis sosial, genre dan tindakan, perwakilan, identiti dan gaya dalam wacana akhbar. Fairclough membincangkan pendekatan analisis wacana Multimodal Fungsional Sistemik

(*Systemic Functional Multimodal Discourse Analysis*) berdasarkan kerangka Halliday (1978; 1994). Pendekatan ini bertujuan untuk menganalisis hubungan bahasa, aspek sosial dan elemen lain dalam wacana akhbar.

Berdasarkan hasil kajian ini, terdapat perbezaan antara aspek yang disentuh dengan kajian van Dijk. Pertama, dari aspek struktur teks, iaitu dimensi analisis teks berbeza dengan bahagian pertama kajian van Dijk. Kedua, amalan wacana dan analisis sosial pada dimensi kedua dan ketiga Fairclough hanya dibincangkan pada bahagian ketiga dalam kajian van Dijk. Secara keseluruhan, kajian Fairclough (2003) lebih mementingkan pengamatan dan penganalisan struktur teks dari aspek bahasa, sosial dan budaya. Walaupun, kerangka dimensi ini menganalisis aspek bahasa dan sosial namun pengamatan dimensi ini hanya mencerminkan teks semata-mata. Aspek interpretatif dan produktif teks juga penting untuk membuktikan kesan ideologi terhadap teks.

Kajian van Dijk dan Fairclough mempunyai kekuatan tersendiri dalam meneliti proses, fungsi, dan kepentingan kajian berita. Namun begitu, masih terdapat pelbagai isu yang membawa pengkaji kepada kajian lanjut tentang wacana akhbar dari pelbagai aspek kajian. Hal ini turut dibincangkan oleh pengkaji luar negara dan tempatan secara meluas. Misalnya, kajian Bielsa & Bassnett (2009) membincangkan kajian wacana akhbar dari sudut isu penterjemahan berita dunia kepada pembaca. Pertama, pengkaji membandingkan akhbar harian tempatan dengan luar negara. Kedua, dikaji cara penterjemah menghasilkan atau mengubah ciri wacana dominan dalam masyarakat daripada laporan akhbar luar negara. Bahagian yang dibincangkan

termasuklah akhbar dalam talian, strategi penyusunan dan penyesuaian bahasa dan budaya lain dalam media dan juga pentafsiran media.

Kajian Bielsa & Bassnett (2009) ini seakan-akan kajian Gambier (2006) yang memberikan fokus terhadap aspek verbal dalam kajian penterjemahan. Namun begitu, yang membezakan kajian ini dengan kajian Gambier (2006) ialah bentuk data yang digunakan dan perbezaan strategi untuk merungkai agenda, ideologi dan budaya media tempatan dalam akhbar dan juga majalah. Agenda, ideologi dan budaya dalam masyarakat tempatan dapat dicungkil berdasarkan aspek-aspek yang dibincangkan dalam kajian. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini hanya dibincangkan dalam bentuk kesimpulan tentang ideologi dan budaya secara dominan. Selain itu, kurang diberikan contoh spesifik tentang cara pendekatan atau praktis strategi dalam budaya pengamal media akhbar tempatan dan luar negara.

Dapat dijelaskan bahawa kajian Bielsa & Bassnett (2009) penting dalam kajian wacana akhbar dari sudut tekstual dan pada peringkat kajian ini, aspek yang dibincangkan memberikan input dalam proses dan penghasilan sesebuah wacana akhbar. Hal ini ada dijelaskan oleh van Dijk (1988), iaitu ideologi dan budaya dapat dirungkai melalui ciri tekstual dalam akhbar.

Gambier (2006) menjalankan kajian dalam wacana akhbar terhadap aspek bahasa verbal dan kajian ini juga membincangkan isu transformasi dalam kajian penterjemahan berita. Menurut Gambier (2006) ideologi dalam akhbar dipengaruhi oleh faktor perkembangan organisasi dalam amalan dan literasi media yang semakin diterima oleh pembaca. Walau bagaimanapun, perkembangan akhbar dalam talian

bagi Gambier (2006) dilihat sebagai faktor penggerak ke arah evolusi wacana dalam kajian verbal. Semestinya perkembangan dan penggunaan memberikan kesan terhadap aspek verbal berita dunia dalam kajian wacana akhbar. Selain itu, Roger (2007) mengulas kajian Gambier dan menyatakan bahawa hasil kajian ini bukanlah seratus peratus mengkaji aspek bahasa verbal dalam isu transformasi sebaliknya kajian ini lebih berfokus kepada asas penterjemahan dunia berdasarkan ciri dan penggunaan bahasa verbal dalam wacana akhbar.

Di Malaysia pula, pengkaji tempatan lebih berminat mengkaji wacana akhbar dari aspek kandungan berita, tajuk berita, kuasa, agenda dan juga ideologi. Kebanyakan pengkaji tempatan mengikut reka bentuk kajian van Dijk (1988, 1993, 1996, 1998), Fairclough (2003; 2006), Fowler (1991), Halliday (2004) dan lain-lain.

Asmah (1987) membincangkan isu berita dalam penulisan beliau. Perbincangan Asmah pada isu berita melibatkan aspek bahasa dan beliau membincangkan pendekatan yang digunakan oleh wartawan untuk memaparkan sesuatu peristiwa untuk pengetahuan orang ramai. Struktur laporan akhbar, bahasa, penyingkatan dan bahasa tajuk berita, penggunaan frasa dan klausa tertentu, teknik cakap ajuk dan pindah dan juga retorik menjadi tumpuan dan isu utama penulisan ini. Penulisan Asmah (1987) ini menunjukkan bahawa berita akhbar yang dibincangkan mempunyai gaya bahasa dan laras akhbar tertentu. Oleh hal yang demikian, kajian wacana akhbar boleh ditinjau dari pelbagai aspek kajian. Bertitik tolak daripada kajian Asmah (1987), kajian sebegini berupaya menonjolkan aspek-aspek penting dalam kajian wacana akhbar tempatan. Misalnya, dari aspek tatabahasa dapat dianalisis makna nahu, leksikal, frasa dan juga klausa berasaskan konteks, dan

metodologi yang berlainan. Kajian ini juga membuka jalan kepada pengkaji tempatan untuk melakukan kajian baharu.

Sebagai contoh, kajian oleh Rokiah (2000) tertumpu pada faktor linguistik dan bukan linguistik dalam akhbar-akhbar Melayu. Kajian ini berlandaskan teori Skopos oleh Vermeer (1989). Pengaplikasian teori ini berjaya menjelaskan fenomena perubahan teks terjemahan berita. Misalnya dari aspek penggunaan kata ganti nama, sistem ukuran, faktor budaya, sosial dan lain-lain. Dalam kajian ini, teori yang diketengahkan juga berupaya menunjukkan perbezaan tentang perubahan teks terjemahan berita dan aspek pembaca sasaran dalam penstrukturan maklumat. Hal ini disebabkan penstrukturan memenuhi keperluan pembaca sasaran.

Walau bagaimanapun, faktor linguistic dan bukan linguistik yang dibincangkan dalam kajian ini hanya diterapkan terhadap analisis strategi penterjemahan berita dunia, penyuntingan dan peristilahan dalam akhbar. Masih terdapat kelompangan dalam kajian terhadap akhbar tempatan linguistik aspek verbal dan ciri linguistik secara keseluruhan. Misalnya, penganalisan nilai berita dari sudut linguistik. Hal ini turut diketengahkan oleh Bell (1991), Conley (2006) dan Caple (2017) yang masing-masing berpendapat bahawa analisis nilai berita dalam akhbar merupakan aspek utama yang perlu dijadikan asas untuk mengkaji ciri linguistik dalam kajian terapan yang baharu.